

09 OCT 1996

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA FIJI

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar Ibnu Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Fiji Ratu Sir Kamisese Kapaiwat Tuimacilai Mara sempena dengan Hari Kemerdekaan negara itu esok.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Baginda menyatakan harapan supaya hubungan persahabatan yang rapat di antara Fiji dan Malaysia akan terus diperkukuhkan di tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Sitiveni L Rabuka, menyatakan keyakinan terhadap kepimpinan Rabuka untuk mempereratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut mengirimmkan perutusan yang sama kepada rakan sejawatnya Filipe Bole. -- BERNAMA

MS WAT